

Pembangunan luar bandar diteruskan

KEPALA BATAS 19 Okt. - Kerajaan akan meneruskan usaha membangunkan kawasan luar bandar termasuk menyediakan kemudahan lengkap seperti sekolah dan guru terlatih bagi kepentingan generasi akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan mahu memastikan pelajar di luar bandar berjaya supaya mereka dapat meningkatkan ekonomi keluarga masing-masing seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.

"Generasi muda perlu maju dalam pelajaran masing-masing supaya mereka dapat membaritu Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020.

"Kita hanya ada 14 tahun lagi dan usaha gigih perlu, diteruskan untuk mencapai sasaran itu," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis penyampaian sumbangan Hari Raya Aidilfitri peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Penaga di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri

Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Zainal Abidin Osman; Ahli DUN Penaga, Datuk Azhar Ibrahim dan Pengerusi Bank Rakyat, Tan Sri Syed Jalaluddin Syed Salim.

Menurut beliau, usaha kerajaan menyediakan sekolah yang lengkap di kawasan luar bandar kini menunjukkan hasil apabila ramai anak kampung mula memegang jawatan besar di bandar.

"Justeru usaha pembangunan luar bandar akan diteruskan agar lebih ramai anak luar bandar berjaya pada masa akan datang," katanya.

Untuk mencapai hasrat itu, Abdullah meminta rakyat membantu kerajaan dalam usaha pembangunan di peringkat kampung, mukim, daerah, negeri dan negara.

Beliau menarik perhatian di Kepala Batas walaupun telah dilengkapi pelbagai kemudahan seperti sekolah dan jalan tar, namun banyak lagi usaha perlu dilakukan bagi memastikan pembangunannya dilaksanakan secara berterusan.